



26 MAR, 2026

Presiden Filipina isytihar darurat tenaga selama setahun

Berita Harian, Malaysia



Presiden Filipina isytihar darurat tenaga selama setahun

Manila: Presiden Filipina, Ferdinand Marcos Jr mengisytiharkan darurat tenaga nasional, semalam sebagai tindak balas terhadap konflik di Asia Barat serta apa yang disifatkannya sebagai 'bahaya yang bakal tiba' terhadap bekalan tenaga negara itu.

Pengisytiharan itu, yang akan berkuat kuasa selama setahun, memberi kuasa kepada kerajaan untuk memperoleh bahan api dan produk petroleum yang diperlukan bagi memastikan bekalan mencukupi serta tepat pada masanya, malah jika perlu, membayar sebahagian daripada jumlah kontrak lebih awal.

Marcos berkata, sebuah jawatankuasa sudah ditubuhkan bagi memastikan kelancaran pergera-

kan, bekalan, pengedaran, serta ketersediaan bahan api, makanan, ubat-ubatan, produk pertanian dan barangan keperluan asas yang lain.

Reuters melaporkan dalam satu perintah eksekutif yang dikongsikan kepada media, Marcos berkata, konflik itu mencetuskan ketidaktentuan dalam pasaran tenaga global, gangguan rantaian bekalan yang teruk, serta turun naik harga minyak antarabangsa yang ketara dan mengancam keselamatan tenaga negara.

"Pengisytiharan darurat tenaga nasional ini akan membolehkan kerajaan melaksanakan langkah penyelarasan yang responsif di bawah undang-undang sedia ada bagi menangani risiko yang dicituskan oleh gangguan

bekalan tenaga global dan ekonomi domestik," katanya.

Setiausaha Tenaga Filipina, Sharon Garin pula berkata, negara itu mempunyai kira-kira 45 hari bekalan bahan api berdasarkan tahap penggunaan semasa, menurut laporan itu.

Beliau berkata, kerajaan sedang berusaha untuk memperoleh satu juta tong minyak dari negara di dalam dan di luar Asia Tenggara untuk membina stok simpanan penimbunan.

Selain itu, Marcos turut mengumumkan peluasan pengagihan subsidi bahan api kepada lebih banyak pengendali kenderaan utiliti awam (PUV) di seluruh negara, sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk mengurangkan

kesan kenaikan harga minyak, lapor *Agensi Berita Filipina* (PNA).

Bercakap di Terminal Bersepadu Parañaque (PITX), Marcos berkata, program subsidi, yang pada mulanya dilancarkan kepada pengendali bas di Metro Manila, kini akan meliputi sektor PUV tambahan di seluruh negara.

Setiap unit bas akan menerima bantuan minyak sebanyak PHP10,000, katanya.

"Untuk membantu memastikan orang ramai yang menaiki pengangkutan awam tidak dibebani kenaikan tambang, ini respons kerajaan.

"Kerajaan juga sedang mengka-ji penggunaan sistem pembayaran digital yang lebih meluas bagi mempercepat penyaluran subsidi.

"Kita boleh melakukannya menerusi pembayaran digital... Lebih mudah, lebih praktikal. Sebolehnya, kita akan menggunakan pembayaran digital selain kaedah tradisional, seperti wang tunai dan cek," katanya.

Marcos turut meminta kerjasama daripada pengusaha pengangkutan dan pemandu bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program itu dan memastikan perkhidmatan yang lebih baik untuk orang ramai yang menggunakannya.

Subsidi bahan api adalah sebahagian daripada langkah pentadbiran untuk mengurangkan kesan turun naik harga minyak global susulan ketegangan di Asia Barat.

AGENCI